

**Masalah Ganggaun Seksual Di Kalangan Guru-Guru Di Johor, Melaka,
N,Sembilan, dan Selangor**

Prof Madya Dr Haji Azizi bin Haji Yahaya

Hasmadi bin Hassan

Jabatan Asas Pendidikan,

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru mengenai tingkah laku gangguan seksual, bentuk-bentuk gangguan seksual yang berlaku, prosedur aduan, kesan-kesan akibat gangguan seksual dan hubungannya dengan prestasi kerja. Seramai 400 orang guru dari 20 buah sekolah rendah dan menengah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor dipilih secara kelompok atas kelompok. Instrumen kajian yang digunakan merupakan adaptasi daripada soal selidik Experiences Of Sexual Harassment (SHEQ) dan The Sexual Harassment Questionnaires (SHAS). Darjah kebolehpercayaan (alfa cronbach) bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.971. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gangguan seksual berdasarkan jantina dan status perkahwinan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan gangguan seksual berdasarkan taraf pendidikan, lokasi dan bangsa. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan gangguan seksual dengan umur, pengalaman mengajar dan pendapatan tetapi terdapat hubungan yang signifikan kesan gangguan seksual dengan prestasi kerja di kalangan guru. Tahap gangguan seksual di kalangan guru secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang rendah.

PENGENALAN

Tempat kerja yang bebas daripada gangguan seksual merupakan prasyarat utama pekerjaan yang berhak dinikmati oleh semua pekerja tanpa mengira jantina (Welsh, 1999). Keadilan sosial menuntut layanan yang sama dan penghormatan maruah diri kepada semua pekerja. Kewujudan masalah seksual di tempat kerja akan menafikan hak mereka tentang prinsip utama keadilan sosial. Sekiranya, permasalahan ini dibiarkan berlarutan, ia akan menjejaskan persekitaran kerja yang selamat serta sekaligus merosakkan mutu kerja seseorang individu dan organisasi keseluruhan. Masalah ini sebenarnya sudah lama wujud dan sering berlaku tetapi malangnya ia amat jarang dilaporkan.

Masalah gangguan seksual di tempat kerja merupakan salah satu masalah yang timbul dalam persekitaran kerja di pelbagai bentuk organisasi seperti pejabat korporat, institusi kewangan, jabatan kerajaan, institusi pendidikan mahupun di pejabat perundangan (Golden , 2001). Ia timbul daripada hubungan kerja harian yang melibatkan sikap peribadi individu di dalam sesebuah organisasi dan melibatkan golongan lelaki dan wanita. Bentuk-bentuk gangguan seksual yang berlaku juga terdiri daripada gangguan secara lisan, isyarat, visual, psikologi dan fizikal.

Komunikasi yang wujud dalam melaksanakan tugas-tugas di kalangan para pekerja kadang kala mengandungi gurauan, usikan atau perbualan sesama pekerja yang sering kali wujud di tempat kerja yang secara tidak langsungnya akan menambahkan lagi keceriaan suasana di tempat kerja (Montemurro, 2003). Walau bagaimanapun, gurauan tersebut kadang kala tidak disenangi. Begitu juga dengan sesetengah pihak yang mengambil kesempatan daripada kedudukan atau pangkatnya demi kepentingan diri sendiri.

Masalah gangguan seksual seringkali menjadi topik perbualan harian orang ramai. Namun kebanyakan orang hanya tahu menyebutkannya sahaja dan tidak faham

mengenai apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan istilah gangguan seksual itu. Definisi sebenar tentang gangguan seksual seharusnya diberikan dengan tepat agar ia tidak menimbulkan salah faham khususnya dikalangan pekerja. Persepsi di kalangan pekerja lelaki dan wanita mungkin berbeza selain daripada taraf pendidikan serta cara mereka membuat takrifan tentang kehidupan masing-masing. Ramai lelaki yang berasa seronok dengan keadaan atau situasi gurauan dan usikan beranggapan bahawa wanita juga berpandangan sedemikian.

Gangguan seksual merupakan masalah kritikal yang dihadapi oleh semua orang, baik wanita mahupun lelaki khususnya di tempat kerja. Ia boleh dikaitkan dengan isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia, jenayah dan diskriminasi (Abdul Rahim, 2003). Ia mendapat reaksi pelbagai pihak terutama pertubuhan wanita, kesatuan sekerja, pertubuhan hak asasi manusia, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan antarabangsa.

Fenomena gangguan seksual semakin melebar dewasa ini. Ia bukan sahaja berlaku di tempat kerja seperti di sektor perkilangan, perniagaan, di tempat awam dan sebagainya. Malah isu gangguan seksual mula menjadi perbualan di kalangan guru yang berkhidmat di seluruh sekolah di Malaysia. Ini memberikan gambaran bahawa sekolah sebagai sebuah institusi yang murni dalam melahirkan modal insan yang berilmu dan berperketi mulia turut tidak terkecuali sebagai tempat gangguan ini boleh berlaku khususnya di kalangan para guru sendiri.

Gangguan seksual dikalangan guru di sekolah boleh menjadi salah satu punca tekanan dan stres terhadap guru-guru (Fitzgerald, 1993). Ini sekaligus menggugat kreadibiliti dan dedikasi seseorang guru itu untuk memberikan tumpuan kepada bidang tugas utama guru, iaitu mendidik anak bangsa.

Oleh itu, adalah penting bagi sesebuah organisasi termasuk pihak sekolah untuk memahami dan bersikap lebih prihatin dalam menangani masalah ini. Menangani masalah gangguan seksual bukanlah sesuatu yang mudah kerana kebanyakannya

melibatkan kuasa dan memerlukan kekuatan dalaman serta sokongan moral dan sosial dari persekitaran. Semua pihak dalam organisasi pendidikan daripada peringkat atasan sehinggalah bawahan perlu memberikan kerjasama yang sewajarnya dan tidak memandang masalah ini sebagai suatu perkara yang remeh temeh.

Hasrat murni negara bagi melahirkan modal insan yang berdaya saing, berilmu dan berpandangan jauh mungkin terbantut kerana penggerak dan peneraju utama, iaitu golongan guru ini berada dalam dilema di antara tuntutan tugas disamping bebanan masalah yang ditanggung di persekitaran sekolah yang sudah tidak lagi selamat dan selesa. Oleh itu, rasional kajian ini jelas sekali bukan sahaja ingin melihat kewujudan gangguan seksual di kalangan guru semata-mata tetapi juga untuk menarik perhatian umum di dalam hal ini supaya perkara sebegini tidak berlarutan dan segera dihentikan.

Pekerja, termasuklah para guru, yang menghadapi gangguan seksual ini boleh terganggu dari segi psikologi seperti perasaan rendah diri dan takut yang keterlaluan, fisiologi seperti migrain, kurang selera makan dan gangguan kesihatan lain, dan perubahan-perubahan tingkah laku seperti ponteng kerja, pendiam, pemarah atau membunuh diri (Sabhita Marican, 1999).

Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa adalah penting bagi kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi para guru terhadap tingkah laku gangguan seksual, jenis-jenis gangguan seksual yang utama berlaku di kalangan guru, kesan-kesan akibat gangguan seksual, prosedur aduan yang dilakukan apabila guru diganggu secara seksual dan hubungan kesan gangguan seksual dengan prestasi kerja di kalangan para guru.

Persepsi

Persepsi merupakan gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai pandangan (menerusi pancaindera) atau tanggapan (Oxford Advanced Learners Dictionary, 2000).

Persepsi merupakan apa jua pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang daripada pemahamannya sendiri samada melalui pancaindera atau apa yang ada dalam fikirannya. Dengan kata lain, persepsi merupakan suatu proses apabila kita memahami dan menilai sesuatu perkara atau seseorang dengan cara kita yang tersendiri (Robert, 2000). Persepsi juga sudah pastilah berbeza di antara seseorang individu dengan individu yang lain yang mempunyai perwatakan, latar belakang dan sejarah hidup yang berlainan (Baker, 1990).

Gangguan Seksual

Definisi yang jelas tentang gangguan seksual merupakan satu komponen penting dalam mekanisma dalaman untuk mengendalikan masalah gangguan seksual.

Definisi yang terperinci adalah perlu untuk memastikan pekerja dan pengurusan mendapat idea yang jelas akan tingkah laku yang merupakan gangguan seksual.

Kod Amalan (1999) mentakrifkan gangguan seksual ialah sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak dingini dan memberi kesan sebagai gangguan samada secara lisan, isyarat, visual, psikologi atau fizikal.

- i. yang atas sebab yang munasabah boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaannya, atau
- ii. yang atas sebab yang munasabah boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai satu pencabulan maruah atau penghinaan, atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaannya.

Berdasarkan kepada definisi di atas, gangguan seksual boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pertamanya gangguan seksual berbentuk ugutan (*sexual coercion*) dan keduanya gangguan seksual berbentuk ancaman terhadap ketenteraman peribadi (*sexual annoyance*). Gangguan seksual yang berbentuk ugutan memberikan kesan secara langsung kepada status pekerjaan seseorang. Sebagai contoh, seseorang pegawai atasan yang mempunyai kuasa menentukan gaji dan pangkat, cuba menggugut pekerja bawahan memberikan layanan seksual kepadanya. Jika pekerja bawahan tersebut tunduk kepada kehendak seksual pegawai atasan tersebut, faedah yang berkaitan dengan pekerjaan akan diperolehi. Sebaliknya, jika pekerja bawahan berkenaan menolaknya, faedah itu akan dinafikan. Gangguan seksual berbentuk ancaman ketenteraman peribadi ialah tingkah laku seksual yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan atau penghinaan, tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan faedah-faedah pekerjaan. Walau bagaimanapun tingkah laku itu boleh menimbulkan suasana kerja yang tidak tenteram kepada mangsa yang terpaksa dialaminya untuk terus bekerja. Gangguan seksual antara rakan sekerja adalah termasuk di bawah kategori ini. Begitu juga gangguan oleh pelanggan syarikat terhadap pekerja juga termasuk dalam kategori yang sama. Dalam konteks Kod Amalan ini, gangguan seksual di tempat kerja juga termasuk gangguan seksual yang berlaku di luar tempat kerja yang timbul dari hubungan dan tanggungjawab yang berkaitan dengan pekerjaan. Situasi di mana gangguan seksual seperti ini boleh berlaku adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- i. Majlis sosial berhubung dengan pekerjaan.
- ii. Semasa menjalankan tugas luar di tempat kerja.
- iii. Sesi persidangan atau latihan berkaitan dengan pekerjaan.
- iv. Semasa perjalanan berkaitan dengan pekerjaan.
- v. Melalui telefon; dan
- vi. Melalui media elektronik.

Adalah penting ditekankan bahawa gangguan seksual bermakna tingkah laku seksual yang tidak diinginkan dan tidak disenangi oleh mangsa. Ianya juga satu kelakuan seksual yang dilakukan ke atas penerima tanpa diminta atau dibalas balik oleh penerima.

Jenis-jenis Gangguan Seksual

Kementerian Sumber Manusia (1999) mengkategorikan bentuk-bentuk gangguan seksual kepada lima jenis utama, iaitu :

Gangguan Secara Lisan

Ini meliputi kata-kata, komen, gurauan, usikan, bunyi dan soalan-soalan berbentuk ancaman atau cadangan seksual (Welsh, 1999).

Gangguan Secara Isyarat atau Bukan Lisan

Misalnya pandangan atau kerlingan yang membayangkan sesuatu niat atau keinginan, menjilat bibir atau memegang atau memakan makanan dengan cara menggoda, isyarat tangan atau bahawa isyarat yang membayangkan perlakuan seks, tingkah laku mengurag yang berterusan dan apa-apa sahaja isyarat lucah (Paludi, 1999).

Gangguan Secara Visual

Antaranya ialah menunjukkan bahan-bahan lucah, melukis gambar-gambar lucah, menulis surat berunsurkan seksual, mendedahkan bahagian badan yang sulit yang tidak sepatutnya didedahkan (Foulis, 1997).

Gangguan Secara Psikologi

Mengulangi jempunan sosial yang telah tidak diterima, memujuk rayu berterusan untuk keluar bersama atau untuk bercumbuan dan sebagainya (Welsh, 1999).

Gangguan Secara Fizikal

Contohnya, sentuhan yang tidak didingini seperti menepuk, mencubit, mengusap, menggesel badan, memeluk, mencium dan serangan seksual lain (Lightle, 1992).

Kesan-kesan Gangguan Seksual

Gangguan seksual meninggalkan kesan negatif dan destruktif kerana ia merupakan satu bentuk jenayah sosial yang tidak sihat dan perlu dibanteras (Abdul Rahim, 2003). Kebanyakan kes gangguan seksual yang dialami guru, khususnya guru wanita akan mendedahkan mereka kepada diskriminasi seksual di tempat kerja (sekolah). Mereka yang mengalami gangguan seksual dalam kategori ini akan berasa kecewa, tertindas dan diketepikan daripada peluang-peluang untuk mendapatkan ganjaran dan pengiktirafan. Amalan yang tidak sihat dilakukan oleh oleh majikan, guru-guru yang lebih senior, atau rakan setugas terhadap mangsa akan memberikan kesan negatif dan merosotnya prestasi kerja dan mutu pengajaran di dalam bilik darjah. Guru-guru yang rajin, berdedikasi dan setia kepada organisasi terpaksa menghadapi tekanan dan diskriminasi disebabkan oleh masalah gangguan seksual. Ini sekaligus tidak akan memberikan kepuasan kerja kepada guru-guru yang menjadi mangsa. Menurut Barak (1994), gangguan seksual yang berlaku boleh mendatangkan kesan buruk bukan sahaja kepada individu, malah turut memberikan kesan yang sama di peringkat organisasi. Kajian dan tinjauan yang dilakukan oleh Balsham, Gutek, Gruber dan Bjorn menunjukkan bahawa kesan negatif akibat gangguan seksual di tempat kerja boleh menjejaskan dua pihak, iaitu pekerja yang menjadi mangsa dan juga organisasi itu sendiri (Barak, 1994). Pada kebiasaannya, kebanyakan kajian

adalah memfokuskan kepada kesan-kesan lanjutan akibat gangguan seksual ini yang menimpa pekerja wanita (Gutek, 1993).

Kesan Kepada Individu Mangsa

Dari aspek ini, kebanyakan individu yang menjadi mangsa kepada gangguan seksual di tempat kerja melaporkan bahawa mereka telah mengalami beberapa tekanan psikologi, penderaan emosi dan masalah kesihatan fizikal (Henry & Meltzoff, 1998). Walau bagaimanapun, ada juga mangsa wanita yang terlibat turut mengalami masalah dalam perhubungan sosial mereka dengan orang lain seperti teman lelaki, malah lebih malang lagi boleh meretakkan ikatan perkahwinan.

Tekanan Psikologi

Gangguan seksual yang dialami boleh menyebabkan seseorang itu menghadapi tekanan psikologi seperti rasa tidak selamat, terhina, moral yang rendah, keadaan masa depan yang tidak menentu, takut, bimbang dan tekanan jiwa (Gutek, 1993). Jika keadaan ini dibiarkan berlarutan ia akan memberikan musibah dan kesan yang buruk kepada perkembangan dan kesejahteraan hidup individu berkenaan. Tekanan sosial dan jiwa di tempat kerja dilaporkan meningkat disebabkan keadaan tempat kerja yang negatif, tidak selamat, bimbang dan tandus dengan unsur-unsur penyayang.

Tekanan Emosi

Individu yang mengalami gangguan seksual juga dikatakan akan mudah mengalami stres, kegelisahan, kemurungan, panas baran, mudah menangis, hilang maruah, cepat meradang dan hilang rasa hormat kepada diri sendiri (McKinney & Maraoules, 1991). Perasaan aib dan malu juga akan turut menyelubungi mangsa.

Gangguan Kesehatan Fizikal

Gangguan kesihatan diri sebagaimana yang dilaporkan oleh mangsa-mangsa gangguan seksual adalah seperti kesakitan kronik pada tulang belakang dan leher. Selain itu juga, mangsa sering mengadu sakit perut, hilang selera makan, migrain, hilang berat badan dan mengalami kecelaruan tidur (Renzetti & Curran, 1999).

Hubungan Sosial dan Ikatan Perkahwinan

Kesan buruk gangguan seksual menyebabkan berlakunya perpecahan di dalam rumahtangga, khususnya dikalangan wanita (Gutek, 1993). Wanita yang dipaksa atau dibebankan dengan kerja yang melebihi masa bekerja atau mengikuti majikan atau ketua ke tempat lain atas urusan kerja, mesyuarat atau berkursus tetapi mempunyai muslihat gangguan seksual, apabila diketahui oleh pasangan mereka menimbulkan perbalahan dan berakhir dengan perpecahan rumahtangga. Ini adalah kesan buruk yang terpaksa dihadapi oleh sesetengah mangsa yang takut kehilangan pekerjaan atau menggugat prestasi kerjanya. Ramai wanita yang sanggup menyetepikan kepentingan rumahtangga dan mementingkan pekerjaan terpaksa berhadapan dengan dilema, mengakhiri kehidupan berumahtangga disebabkan masalah di tempat kerja.

Tekanan Kerjaya

Pekerja yang menjadi mangsa kepada gangguan seksual juga akan mengalami turut terjejas kerjayanya. Tekanan kerjaya memperlihatkan mangsa yang mula menunjukkan prestasi dan produktiviti yang semakin berkurangan, kepuasan kerja berkurangan, hilang keyakinan diri, kurang bermotivasi dan komitmen yang semakin menurun terhadap kerjaya dan majikan (Gutek, 1993). Menurut Loy dan Stewart, sebanyak 10 peratus hingga 17 peratus pekerja wanita yang mengalami gangguan seksual telah berhenti kerja atau minta ditukarkan (McKinney & Maraoules, 1991).

Prosedur Aduan

Gangguan seksual di tempat kerja boleh memberikan kesan buruk sekiranya tindakan positif tidak diambil bagi membanteras perbuatan yang mengganggu dan boleh menyebabkan pelbagai kejadian yang tidak diinginkan berlaku ke atas seseorang pekerja. Prosedur aduan melibatkan perkara penting, iaitu adanya aduan mengenai gangguan seksual bagi membolehkan bermulanya langkah penyiasatan. Langkah penyiasatan melibatkan, pendakwaan dan tindakan penyelesaian. Prosedur aduan melibatkan proses membuat aduan oleh mangsa, penyiasatan, pengumpulan maklumat, pendakwaan, tindakan dan penyelesaian kes masalah (Abdul Rahim, 2003). Dalam kajian ini, prosedur aduan dihadkan oleh penyidik kepada persoalan kemanakah para guru akan membuat pengaduan sekiranya kes gangguan seksual terjadi. Mangsa-mangsa gangguan seksual mungkin kurang jelas dan faham berhubung dengan proses membuat aduan ini. Mangsa mungkin akan melaporkan masalah yang dihadapi kepada rakan-rakan, ahli keluarga, guru besar atau pengetua, kesatuan sekerja, kaunselor, doktor, polis, Kementerian Sumber Manusia atau mengambil sikap berdiam diri.

Prestasi Kerja

Kajian tentang prestasi kerja biasanya mentakrifkan kepada pencapaian dan kemajuan seseorang dalam bidang pekerjaan yang diceburinya. Prestasi kerja akan membangkitkan perasaan yang positif dan seronok terhadap pekerjaan seseorang (Recges, 1989). Implikasi daripada takrif Recges (1989) adalah sekiranya perubahan dibuat dalam kerja seseorang pekerja, maka kesannya akan dapat diukur. Kajian ini juga bertujuan mengukur hubungan prestasi kerja para guru lanjutan daripada kesan gangguan seksual yang berlaku dengan harapan bahawa salah satu unsur yang menyebabkan kemerosotan prestasi guru boleh diubah oleh pihak berwajib. Herzberg (1959) mengaitkan prestasi kerja bagi menerangkan teori motivasinya. Menurut Herzberg (1959) lagi, prestasi kerja juga dianggap sebagai suatu kuantiti yang boleh diukur. Prestasi guru yang akan diukur

lanjutan daripada masalah gangguan seksual yang timbul melibatkan empat perkara utama, iaitu kuantiti hasil kerja, kualiti hasil kerja, ketepatan masa dan pelaksanaan peraturan serta arahan pentadbiran (Jabatan Perkhidmatan Awam, 1996).

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Jenis penyelidikan ini adalah jenis tinjauan. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmanakah tahap kewujudan masalah gangguan seksual di kalangan guru-guru di tempat kerja (sekolah). Sampel adalah terdiri daripada 400 orang kakitangan guru dari beberapa buah sekolah yang dipilih dari negeri Johor, Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan. Data yang diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang terpilih. Setiap maklumat telah ditafsirkan secara kuantitatif. Borang soal selidik ini merupakan adaptasi daripada soal selidik Experiences Of Sexual Harassment (SHEQ) dan The Sexual Harassment Questionnaires (SHAS). Satu kajian rintis telah dilakukan bagi memastikan item soal selidik jelas, ringkas, mudah difahami dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai Alfa Cronbach keseluruhan bagi kesemua bahagian ialah 0.971.

DAPATAN KAJIAN

Pengalaman Gangguan Seksual

Jadual 1 menunjukkan taburan responden yang alami gangguan seksual di sekolah. Analisis data menunjukkan responden seramai 78 orang guru (19.5 peratus) pernah mengalami gangguan seksual manakala selebihnya iaitu seramai 322 orang (80.5 peratus) lagi tidak pernah mengalami gangguan seksual.

Jadual 1 : Taburan Responden Yang Mengalami Gangguan Seksual

Gangguan Seksual	Bilangan	Peratus
Ya	78	19.5
Tidak	322	80.5
Jumlah	400	100.0

Jadual 2 menunjukkan taburan mangsa gangguan seksual mengikut jantina. Didapati seramai 78 responden yang pernah mengalami gangguan seksual, seramai 33 (42.3 peratus) orang responden terdiri daripada lelaki manakala seramai 45 orang responden (57.7) adalah terdiri guru perempuan.

Jadual 2 : Taburan Mangsa Gangguan Seksual Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	33	42.3
Perempuan	45	57.7
Jumlah	78	100.0

Jadual 3 menunjukkan taburan mangsa gangguan seksual mengikut status perkahwinan. Daripada sejumlah 78 responden yang pernah menjadi mangsa gangguan seksual itu juga, mangsa yang telah berkahwin lebih ramai mengalami gangguan seksual (42 orang atau 53.8 peratus) berbanding mangsa yang masih bujang, iaitu seramai 36 orang (46.2 peratus).

Jadual 3 : Taburan Mangsa Gangguan Seksual Mengikut Status Perkahwinan

Status	Bilangan	Peratus
Berkahwin	42	53.8
Bujang	36	46.2
Jumlah	78	100.0

Jadual 4 menunjukkan taburan mangsa gangguan seksual mengikut bangsa. Bangsa Melayu menunjukkan kekerapan paling tinggi mengalami gangguan seksual, iaitu seramai 34 orang (43.5 peratus), Bangsa Cina, iaitu seramai 19

orang (24.4 peratus), Bangsa India, iaitu seramai 17 orang (21.8 peratus) dan bangsa lain, iaitu seramai 8 orang (10.5 peratus).

Jadual 4 : Taburan Mangsa Gangguan Seksual Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	34	43.5
Cina	19	24.4
India	17	21.8
Lain-lain	8	10.5
Jumlah	78	100.0

Jadual 5 menunjukkan taburan mangsa gangguan seksual mengikut lokasi sekolah. Didapati majoriti mangsa, iaitu 33 orang adalah dari negeri Selangor (42.3 peratus), diikuti oleh negeri Melaka (20 orang atau 25.6 peratus), negeri Sembilan (14 orang atau 17.9 peratus) dan negeri Johor (11 orang atau 14.2 peratus).

Jadual 5 : Taburan Mangsa Gangguan Seksual Mengikut Lokasi

Lokasi	Bilangan	Peratus
Selangor	33	42.3
Melaka	20	25.6
N. Sembilan	14	17.9
Johor	11	14.2
Jumlah	78	100.0

Jadual 6 menunjukkan taburan mangsa gangguan seksual mengikut taraf akademik. Didapati responden yang berkelulusan Sarjana Muda merupakan golongan majoriti yang mengalami gangguan seksual, iaitu seramai 43 orang (55.1 peratus), diikuti oleh mangsa yang berkelulusan diploma, iaitu seramai 16 orang (20.5 peratus), mangsa yang berkelulusan STPM, iaitu seramai 14 orang (17.9 peratus), mangsa yang berkelulusan Sarjana, iaitu seramai 3 orang (3.8 peratus) dan akhirnya mangsa yang berkelulusan SPM yang berjumlah seramai 2 orang (2.7 peratus).

Jadual 6 : Taburan Mangsa Gangguan Seksual Mengikut Taraf Akademik

Taraf Akademik	Bilangan	Peratus
SPM	2	2.7
STPM	14	17.9
Diploma	16	20.5
Sarjana Muda	43	55.1
Sarjana	3	3.8
Jumlah	78	100.0

Persepsi Guru-guru Tentang Tingkah laku Yang Dikatakan Sebagai Gangguan Seksual

Hasil daripada kajian didapati pernyataan “memaparkan aksi atau filem lucu melalui televisyen, komputer atau telefon bimbit” mencatat min tertinggi iaitu 3.58 dan sisihan piawai 1.48. Terdapat sebanyak 20.8 peratus setuju, 39.8 peratus sangat setuju, 10.8 peratus tidak setuju, 15.8 peratus sangat tidak setuju dan 13.0 peratus kurang setuju. Bagi pernyataan “menunjukkan gambar lucu”, sebanyak 20.0 peratus setuju dan 36.3 peratus sangat setuju. Selebihnya sebanyak 19.3 peratus kurang setuju, sebanyak 9.0 peratus tidak setuju dan 15.5 sangat tidak setuju. Min ialah 3.52 dan sisihan piawai 1.44. Hasil analisis data menunjukkan majoriti 38.3 peratus responden sangat setuju bahawa “melukis gambar lucu”, manakala 18.5 peratus responden setuju, 11.5 peratus tidak setuju, 9.8 peratus sangat tidak setuju dan selebihnya sebanyak 15.3 peratus kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Min ialah 3.51 dan sisihan piawai 1.56.

Pernyataan “mengajak untuk melakukan hubungan seks” mendapati paling ramai guru sangat bersetuju iaitu sebanyak 42.3 peratus, 14.5 peratus setuju, 13.0 peratus kurang setuju, 8.8 peratus tidak setuju dan hanya sebanyak 21.5 peratus sangat tidak setuju. Min ialah 3.47 dan sisihan piawai 1.60 Sementara itu pernyataan “meraba kemaluan” mendapati 44.8 peratus sangat setuju, 22.8 peratus sangat tidak setuju, 12.5 peratus kurang setuju, 12.5 peratus juga bersetuju dan 7.5 peratus tidak setuju. Min ialah 3.49 dan sisihan piawai 1.63. Secara

keseluruhannya min yang diperoleh ialah 3.31 dan sisihan piawai 1.176. Ini menunjukkan bahawa persepsi guru-guru tentang tingkah laku yang dikatakan sebagai gangguan seksual secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana.

Jenis-jenis Gangguan Seksual Yang Utama (seperti gangguan secara lisan, isyarat, visual, psikologi dan fizikal) Berlaku Di Kalangan Guru Di Sekolah

Didapati jenis gangguan seksual secara lisan merupakan jenis gangguan seksual yang paling utama berlaku di kalangan guru di sekolah dengan catatan min 2.5769. Gangguan seksual secara isyarat pula mencatatkan min kedua tertinggi, iaitu 2.1972. Gangguan seksual secara visual pula mencatatkan min ketiga tertinggi, iaitu 2.1216. Manakala gangguan seksual secara fizikal pula mencatatkan min keempat tertinggi dengan nilai min 2.0559. Gangguan seksual secara psikologi pula merupakan jenis gangguan seksual yang paling minima berlaku di kalangan guru di sekolah dengan catatan min 2.0122. Secara keseluruhannya min jenis-jenis gangguan seksual ialah 2.2009 dan sisihan piawai 0.99603.

Jadual 7 : Taburan Jenis-jenis Gangguan Seksual Berdasarkan Min Dan Sisihan Piawai

Jenis Gangguan Seksual	Min	Sisihan Piawai
Lisan	2.5769	1.12722
Isyarat	2.1972	1.01318
Visual	2.1216	1.13797
Fizikal	2.0559	1.12186
Psikologi	2.0122	1.06389
Keseluruhan	2.2009	0.99603

Tahap Gangguan Seksual Secara Keseluruhan

Jadual 8 menunjukkan taburan tahap gangguan seksual. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden menghadapi tahap gangguan seksual yang rendah, iaitu seramai 245 orang (61.3 peratus). Manakala 117 orang (29.3 peratus) guru menghadapi tahap gangguan seksual yang sederhana. Selebihnya responden mempunyai tahap gangguan seksual yang tinggi, iaitu seramai 38 orang (9.5 peratus).

Jadual 8 : Tahap Gangguan Seksual Secara Keseluruhan

Tahap	Bilangan	Peratus
Tinggi	38	9.5
Sederhana	117	29.3
Rendah	245	61.3
Jumlah	400	100

Kesan-kesan (seperti tekanan psikologi, emosi, kesihatan, dan kerjaya) Yang Terjadi Akibat Gangguan Seksual Di Kalangan Guru

Hasil daripada kajian didapati pernyataan “rasa takut sering muncul dalam diri saya” mencatat min tertinggi iaitu 1.62 dan sisihan piawai 1.32. Seramai 77.0 peratus responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini, seramai 3.8 peratus tidak setuju, manakala 9.5 peratus bersetuju, 3.8 peratus sangat setuju, dan selebihnya 9.5 peratus sangat setuju dengan pernyataan ini. “Saya sering sakit kepala” merupakan pernyataan yang kedua tertinggi dengan min 1.60 dan sisihan piawai 1.17. Seramai 75.8 peratus menyatakan mereka sangat tidak setuju, 5.0 peratus tidak setuju dan 6.3 peratus responden kurang setuju dengan pernyataan ini. Manakala 9.3 peratus responden setuju dan selebihnya 3.8 peratus sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut.

